

Pakar syor turun cukai pendapatan

011 27 SEP 2001

Oleh ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Kerajaan perlu menurunkan cukai individu dan korporat dalam Belanjawan 2002 bagi memulihkan keyakinan seterusnya menyokong pakej rangsangan ekonomi RM4.3 bilion yang diumumkan semalam.

Seorang penganalisis berkata, walaupun pakej rangsangan itu adalah satu langkah proaktif oleh kerajaan, ia tidak mencukupi bagi membolehkan dana yang disediakan itu dibelanjakan sekiranya keyakinan swasta dan orang awam kekal rendah.

"Apa yang biasa dilakukan bagi meningkatkan keyakinan secara berkesan ialah memotong jumlah cukai sama ada korporat atau individu - jika ada potongan satu pera-

tus pun akan ada kesan kepada perbelanjaan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas pakej rangsangan RM4.3 bilion bagi mengurangkan kesan kelembapan ekonomi sedunia yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, semalam.

Menurut penganalisis tersebut, keyakinan yang lemah menyebabkan hanya 6.7 peratus atau RM200 juta dari RM3 bilion yang disediakan oleh kerajaan dalam pakej rangsangan awal pada Mac lalu dapat dibelanjakan.

"Ini masalah pelaksanaan dan ia perlu ditangani segera. Jika wang itu digunakan sepenuhnya maka keadaan (ekonomi) boleh diperbaiki," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pemotongan cukai itu

juga boleh menggalakkan rakyat Malaysia mengurangkan dorongan untuk menyimpan yang terlalu tinggi sehingga menyebabkan dana dalam negeri tidak boleh digunakan bagi kegiatan ekonomi yang produktif.

"Malaysia sekarang mempunyai kadar simpanan kepada Keluaran Negara Kasar kira-kira 45 peratus kerana rakyat berasa tidak selamat, mereka tidak yakin dengan potensi kerja mereka kerana kegawatan," ujarnya.

Mengenai pakej rangsangan tersebut, beliau menyambut baik peruntukan tambahan bagi industri pembinaan iaitu sebanyak RM1 bilion bagi pembangunan luar bandar, RM300 juta bagi menaik taraf bangunan kerajaan dan RM300 juta bagi membina makmal komputer di 2,000 sekolah.

"Peruntukan bagi pembinaan mempunyai kesan berganda yang besar; untuk setiap ringgit yang dibelanjakan, sumbangan yang diberikan kepada pertumbuhan ekonomi adalah sebanyak 2.5 kali ganda iaitu RM2.50," katanya.

Pandangannya itu disokong oleh seorang penganalisis lain yang menyatakan rangsangan bagi projek skala sederhana bersama projek besar lain yang sedang berjalan boleh membawa Malaysia ke arah pertumbuhan positif.

"Pakej semalam adalah untuk membantu kegiatan ekonomi 'akar umbi'; ditambah pula dengan projek gergasi yang sedang berjalan sekarang, ia secara kolektif boleh memandu Malaysia menghadapi kemelesetan," katanya.